

Waspada pemimpin kesatuan yang kecewa: PM

28 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihati rakyat supaya sentiasa berwaspada terhadap golongan pemimpin kesatuan sekerja yang terbukti gagal berjuang mereka sebelum menceburi arena politik.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya jangan mudah terpengaruh dengan pemimpin parti pembangkang yang "gagal memimpin kesatuan sekerja dan sekarang berangan memimpin negara."

Beliau membangkitkan penyertaan Ahmad Nor, bekas presiden Kongress Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang kini memimpin Sepakat Democratic Party (SDP) dalam pilihanraya umum 2 dan 3 Ogos ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi ingatan itu ketika berucap di upacara perasmian rumah pangsa Sri Kedah Gombak di sini hari ini.

Ahmad Nor bertanding di Lembah Pantai untuk kerusi parlimen dan di Kelana Jaya untuk kerusi dewan undangan negeri.

Perdana Menteri berkata: "Semasa memimpin Cuepacs, Ahmad Nor

cuba membangkitkan sentimen kakitangan kerajaan supaya bencikan kerajaan. Ini nyata tidak berhasil. Ketika masa beliau memimpin Cuepacs kerajaan mendapati sukar untuk berunding dengan kesatuan yang sering beralih dan mengubah sikap.

"Tetapi, setelah beliau keluar dari Cuepacs, kerajaan dengan pemimpin-pemimpin Cuepacs yang baru dapat duduk berunding menyelesaikan isu gaji. Syukur Alhamdulillah, pemimpin Cuepacs yang ada sekarang lebih matang dan nyata bersimpati dengan pucuk pimpinan negara."

Datuk Seri Dr Mahathir memuji pemimpin Cuepacs sekarang yang berkhidmat bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk ahli-ahli mereka. Pemimpin sekarang tidak pula bermimpi untuk menjadi menteri, hanya bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan faedah untuk ahli.

Beliau kesal dengan pendirian Ahmad Nor yang menggunakan kedudukannya ketika menjadi presiden Cuepacs untuk mencari pengaruh dalam perjuangan politik. Ahmad Nor telah menggunakan Cuepacs sebagai batu loncatan, kata Perdana Menteri.